

31 JAN 1998

Amerika-Mekanisme

AMERIKA Mencari Mekanisme Menangani Krisis Kewangan Antarabangsa

Oleh: Salmi Hashim

WASHINGTON, 31 Jan (Bernama) -- Pentadbiran Clinton telah memulakan usaha mengenal pasti mekanisme-mekanisme yang mungkin untuk menangani krisis kewangan antarabangsa di masa depan, kata Setiausaha Perbandarahan Amerika Syarikat Robert E. Rubin di sini, pada Jumaat.

Sebelum ini Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menyeru kepada masyarakat antarabangsa supaya dibenarkan campurtangan kerajaan dalam menangani masalah spekulasi mata wang secara berlebihan yang menurutnya menyebabkan penyusutan nilai mata wang. Ini seterusnya menyebabkan ketidakstabilan daripada segi kewangan di Thailand, Indonesia, Malaysia dan negara-negara lain di rantau.

Cadangan Dr Mahathir pada mulanya ditolak oleh negara-negara maju termasuk Amerika dan spekulator mata wang serta Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF). Tetapi IMF kemudiannya mengubah pendirian dan bersetuju untuk mengkaji idea itu sementara spekulator mata wang antarabangsa terkemuka George Soros, akhirnya mengalah dan berkata sistem yang ada mempunyai kelemahan dan perlu diperbaiki.

Minggu lepas, Rubin berkata di Universiti Georgetown yang krisis di Asia menunjukkan pasaran tidak boleh memperbaiki kelemahan sendiri dan meminta kerajaan-kerajaan campurtangan dan mempermodenkan sistem kewangan antarabangsa.

Rubin memberitahu Jawatankuasa Perbankan dan Perkhidmatan Kewangan Senat pada Jumaat yang inisiatif yang diusahakan oleh Perbandarahan dan Lembaga Simpanan Persekutuan Amerika sejak empat tahun lepas adalah bagi pencegahan krisis seperti itu dan dalam memberi respon semasa krisis sistem kewangan sedunia.

Beliau berkata, inisiatif itu akan menumpukan pada empat objektif: meningkatkan ketelusan dan pendedahan; memperkukuhkan peranan institusi kewangan antarabangsa dalam menangani cabaran pasaran sedunia hari ini; menentukan peranan sektor swasta dalam menanggung bersama beban pada masa-masa krisis serta memperkukuhkan peraturan institusi-institusi kewangan dalam ekonomi-ekonomi yang sedang maju.

"Sementara tiada siapa yang boleh meramalkan apa yang akan berlaku dalam senario sekarang ini, negara-negara Asia kukuh dalam aspek-aspek seperti kadar simpanan yang tinggi, komitmen tegas terhadap pendidikan dan etika kerja yang kuat dan komitmen berkekalan terhadap pembaharuan."

"Oleh itu jelas mereka dalam kedudukan baik untuk menikmati semula kadar pertumbuhan yang kukuh dan nilai mata wang yang lebih munasabah," kata Rubin kepada jawatankuasa itu.

Pentadbiran Clinton meminta AS\$18 bilion daripada kongres sebagai pembiayaan tambahan bagi IMF. Pasukan Clinton yang terdiri daripada Rubin, Pengerusi Lembaga Simpanan Persekutuan Alan Greenspan dan setiausaha pertahanan William Cohen berusaha gigih untuk meyakinkan kongres mengenai peranan penting IMF dalam menyelesaikan krisis di Asia dan menjelaskan mengenai impak krisis itu terhadap ekonomi Amerika.

Rubin menekankan yang kukuhan IMF adalah kritikal dalam menangani ketidakstabilan daripada segi kewangan di Asia. Menurut beliau lagi, IMF dengan kapasiti untuk memberi respon secara berkesan jika krisis ini semakin teruk adalah penting dalam melindungi kepentingan rakyat Amerika.

Greenspan berkata, anggaran kerugian ekuiti oleh pelabur seluruh dunia di Asia (tidak termasuk Jepun) sejak 1997 telah menjangkau AS\$700 bilion, dengan lebih \$30 bilion kerugian ditanggung oleh pelabur-pelabur Amerika.

Kerugian besar juga berlaku di pasaran bon dan hartanah, kata beliau lagi.

Rubin berkata sumbangan Amerika kepada IMF tidak merugikan pembayar cukai di negara itu. "Tiada peruntukan daripada belanjawaan. Sumbangan kita tidak meningkatkan defisit ataupun mengurangkan keutamaan dalam perbelanjaan."

Bagaimanapun, beliau memberi amaran yang kegagalan Amerika untuk menyediakan sumber kewangan akan mengurangkan pengaruh Amerika dalam IMF, dan boleh menggugat kepimpinan Amerika dalam ekonomi sedunia dengan keyakinan dan kepimpinan Amerika begitu penting dalam mengembalikan kestabilan di Asia.

Sementara itu Greenspan pula berkata, adalah penting yang sistem kewangan dan perbankan Asia distabilkan bagi mengembalikan keyakinan. --
BERNAMA

SH PR